

09/04/2002

Pemuda anggap Pas sengaja perlekeh kepemimpinan Pak Lah

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemuda Umno berpendapat Pas sengaja memperlekehkan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai membalas dendam berikutan larangan berceramah di tempat terbuka oleh kerajaan.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, selain dendam, Pas juga yakin bahawa Timbalan Perdana Menteri akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memulakan dakyah menyerang kepimpinan Abdullah.

"Gimik politik murahan Pas ini hanya berkesan terhadap ahli Pas yang tertutup mindanya dan tidak membaca akhbar lain, selain akhbar Harakah dan Harakahdaily.com saja.

"Saya yakin, ahli Pas yang bijak pun akan meragui analisa itu kerana kredibilitinya boleh dipertikaikan. Pemuda Umno dan rakyat Malaysia tidak mudah diperdayakan dengan gimik politik Pas ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Harakahdaily.com, lidah rasmi Pas menerusi internet mengadakan pungutan suara mengenai pengganti Dr Mahathir. Selain Abdullah, turut disenaraikan ialah Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tengku Razaleigh Hamzah dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Hishammuddin berkata, dakyah seperti itu bukan sesuatu yang luar biasa dilakukan Pas kerana sebelum ini parti itu melemparkan pelbagai serangan terhadap Dr Mahathir.

Katanya, Pas memberikan pelbagai gelaran dan memfitnah Dr Mahathir semata-mata untuk memupuk kebencian di kalangan rakyat dan kini cuba menggunakan taktik yang sama terhadap Abdullah.

"Pemuda berharap rakyat tidak terpengaruh dengan dakyah Pas ini. Mereka bukan sebuah parti Islam seperti yang didakwa dan tiada bezanya dengan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang sanggup menghalalkan segala macam cara bagi mencapai matlamat politik mereka," katanya.

Hishammuddin juga berkata, pihaknya menyokong saranan Najib supaya Abdullah menggantikan Dr Mahathir.

"Pemuda Umno yakin peralihan kepimpinan yang teratur dan usaha mengekalkan kestabilan parti penting untuk memperkasa dan memastikan Umno terus relevan dalam memperjuangkan kebajikan dan hak orang Melayu," katanya.

(END)